

Yahudi *bukannya* Israel

Sering kali kita menyamakan antara Yahudi dengan Israel kerana menyangka kedua-duanya daripada golongan yang sama. Hakikatnya dua golongan ini berbeza. Sebagai Muslim kita perlu membezakannya kerana melibatkan persoalan akidah, iman dan sejarah.

IPODS

Kita juga perlu mengetahui tipu daya dan permainan jahat Yahudi yang telah memperdayakan umat Islam. Tanpa sedar kita marah dan benci kepada keluarga Israel yang terdiri daripada para nabi dan orang soleh sedangkan yang melakukan pembunuhan dan kerosakan ialah golongan Yahudi dan Zionis.

Yahudi

Secara umumnya Yahudi mempunyai dua nama:

1. **Bani Israel** – Golongan yang dinisbahkan (nasab keturunan berdasarkan sejarah) kepada Nabi Yaakub. Mereka ialah zuriat Nabi Yaakub yang dilantik oleh Allah sebagai nabi.
2. **Yahudi** – Nama yang dikenali selepas itu. Menurut Dr. Solah Abdul Fattah al-Khalidi, nama dan ajaran Yahudi bermula pada zaman Nabi Dawud. Yahudi berasal daripada perkataan Yahoza yang merupakan sebuah kabilah bani Israel.

Walaupun orang Yahudi lebih mengutamakan nama Israel kerana hubungan dengan datuk mereka iaitu Israel (Nabi Yaakub), namun kita perlu selari dengan gelaran yang diberikan Allah dalam al-Quran ke atas mereka iaitu Yahudi.

Israel

Orang Yahudi berusaha sedaya upaya untuk menzahirkan kepada dunia bahawa mereka ialah Israel. Lalu mereka menamakan:

1. Tanah Palestin yang dijajah sebagai Israel.
2. Kawasan-kawasan yang mereka kuasai dengan nama-nama Yahudi seperti Yahoda dan Samirah.
3. Radio rasmi sebagai radio Israel.
4. Bank negara sebagai bank Israel.

Berikut antara faktor yang menyebabkan mereka suka menggunakan nama Israel:

1. Memberitahu dunia bahawa mereka daripada keturunan nabi-nabi daripada kalangan bani Israel.
2. Menunjukkan hubungan rapat mereka dengan para nabi daripada kalangan bani Israel yang membawa risalah ketuhanan yang suci.
3. Memberitahu kepada dunia bahawa mereka ialah anak Allah (kononnya) dan golongan yang dipilih khas oleh Allah.
4. Menunjukkan hubungan mereka dengan Nabi Yaakub yang merupakan nabi daripada golongan bani Israel dan ajaran yang dibawa mereka datang daripada baginda.



Antara Dua Israel

Sebagai seorang Muslim kita perlu membezakan antara dua Israel. Israel yang perlu kita iktiraf ialah Nabi Yaakub atau nama lainnya Israel yang membawa ajaran benar daripada Allah. Ajaran yang mengajak manusia untuk mentauhidkan Allah. Manakala keturunan-nya dinamakan sebagai bani Israel.

Manakala Israel berikutnya dibawa oleh golongan Yahudi Zionis ialah musuh umat Islam. Musuh yang membedil dan menghancurkan umat Islam tanpa perasaan kemanusiaan. Mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja demi melaksanakan agenda jahat mereka. Maka peranan kita sebagai Muslim adalah untuk tidak mengiktiraf negara 'Israel' yang dicipta oleh Yahudi Zionis.

Oleh itu, kita perlu menjelaskan kepada generasi sekarang dan akan datang tentang sejarah Israel agar mereka mengenali siapakah Nabi Yaakub dan bani Israel dan siapakah pula Yahudi Zionis yang berselindung di sebalik nama 'Israel'.

Memusuhi Kebenaran

Al-Quran dan sirah telah menyaksikan bahawa orang Yahudi mengetahui dengan yakin bahawa Nabi Muhammad ialah utusan Allah, tetapi perasaan ego menyebabkan mereka kufur dan memmerangi Rasulullah.


Sebagai contoh, Abdullah bin Salam yang suatu ketika merupakan pendeta Yahudi sebelum keislamannya telah mengiktiraf kebenaran ajaran yang dibawa oleh Rasulullah. Walaupun telah memeluk Islam, namun masyarakat Yahudi pada ketika itu masih sukar menerima kebenaran sedangkan kebenaran itu sedang berada di hadapan mereka. Lalu mereka kufur, memmerangi, mendustakan serta mengingkari kerasulan Baginda sedangkan sudah tercatat dalam ajaran mereka. (*Al-Dur al-Manthur*, al-Suyuti)

Rentetan keengganan Yahudi untuk beriman kepada Rasulullah, percubaan demi percubaan dilakukan untuk membunuh Baginda. Sebelum

Maka peranan kita sebagai Muslim adalah untuk tidak mengiktiraf negara 'Israel' yang dicipta oleh Yahudi Zionis.

berlakunya Perang Bani Nadir, Rasulullah datang kepada Bani Nadir untuk meminta mereka membantu membayar diat dua orang yang telah dibunuh oleh 'Amru bin Umayyah al-Dhamari secara tidak sengaja pada peristiwa Bi'r Maunah.

Ketika Nabi bersandar di dinding bangunan, tiba-tiba datang hasad dengki mereka untuk membunuh Rasulullah dengan melemparkan batu besar ke arah Baginda. Namun Allah terlebih dahulu memberi bantuan melalui wahyu; memberitahu Baginda perbuatan jahat mereka. Baginda memerintahkan para sahabat agar mengempung sehingga akhirnya mereka bersedia keluar dari Madinah setelah dikepung selama enam hari enam malam. (*Al-Sirah al-Nabawiyah al-Sahihah*, Dr. Akram Dhiya' al-Umari)



MOHD AZRUL
AZLEN BIN ABDUL
HAMID

• Bahasa Bahasa Arab
U2M
• Persatuan U2M
• Penulis, redaksi
Media Bersandar
• mohdazruliam@gmail.com

Bukan Sementara

Baru-baru ini kita gembira apabila melihat masyarakat mula bersatu untuk memboikot produk-produk Yahudi. Namun kempen boikot tersebut hanya bersifat sementara dan dilihat seperti hangathang taik ayam kerana tindakan tersebut berdasarkan semangat semata-mata tanpa didasari dengan kefahaman yang sebenar tentang Yahudi. Kini kita dapat melihat semula restoran-restoran makanan segera milik Yahudi mula dipenuhi oleh masyarakat Islam seperti biasa.

Oleh itu, sebagai umat Islam kita perlu memainkan peranan penting untuk menerangkan kepada ahli keluarga dan masyarakat tentang siapakah sebenarnya Yahudi agar pengetahuan tentang asal usul mereka akan memberikan kefahaman bagaimana untuk berinteraksi dengan mereka. **S**

Oh
Baru
Tahu

Siapakah para nabi daripada keturunan bani Israel?

1. Nabi Yaakub (Israel).
2. Nabi Yusuf.
3. Nabi Musa.
4. Nabi Harun.
5. Nabi Daud.
6. Nabi Sulaiman.
7. Nabi Zakaria.
8. Nabi Yahya.
9. Nabi Isa.

PERBEZAAN BANI ISRAEL DENGAN YAHUDI

Golongan yang terkenal dalam sejarah sejak zaman nabi Yusuf sehingga sebelum kerasulan Nabi Muhammad.

Apabila al-Quran menjelaskan tentang keimanan golongan ini terhadap Nabi, nama Bani Israel digunakan.



Selepas Nabi dilantik menjadi rasul, golongan yang sebelum ini dikenali sebagai bani Israel diganti dengan nama Yahudi.

Tidak lagi mempunyai hubungan agama dan iman dengan Nabi Yaakub kerana kekefuran mereka terhadap ajaran nabi.